

Dua ahli kongsi gelap mati ditembak polis

BERITA HARIAN 13/9/18 M/S 20

Kajang: Anggota polis mengejar dua penjenayah ahli kongsi gelap sejauh 4.5 kilometer sebelum kedua-duanya mati selepas berbalas tembakan di Jalan Nasbandiah di sini, kira-kira jam 1 se-malam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat berkata, sepasukan anggota polis daripada Unit Jenayah Berat (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor melakukan rondaan di Jalan Semenyih sebelum menemui kereta Porsche Cayenne dinaiki dua suspek terbelah di hadapan sebuah pusat beli-belah di lokasi berkenaan.

“Anggota bertugas membuat se-makan dalam talian terhadap nombor pendaftaran kereta terbelah dan mendapati ia berkaitan

warna.
“Dalam rekod pendaftaran, kereta itu berwarna putih, namun kenderaan dilihat berwarna hitam menyebabkan anggota polis cuba memberhentikan kenderaan itu untuk pemeriksaan lanjut.


Penjenayah pecut kenderaan

“Bagaimanapun, penjenayah terbelah memecut kenderaan dan dikejar sejauh 4.5 kilometer hingga ke lokasi kejadian,” katanya ketika ditemui di lokasi, semalam.

Fadzil berkata, sebaik tiba di lokasi, kereta berkenaan terbalas selepas dihimpit tiga kereta dinaiki anggota polis.

“Kedua-dua suspek keluar dari kenderaan terbelah dan melepaskan beberapa tembakan ke

KRONOLOGI KES TEMBAK MATI DUA PENJENYAH DI JALAN NASBANDIAH, KAJANG AWAL PAGI SEMALAM



arah polis.

“Sebagai langkah mempertahankan diri, anggota polis melepaskan beberapa das tembakan ke arah suspek, menyebabkan kedua-duanya mati di tempat kejadian.

“Pemeriksaan dalam kenderaan

menemui beberapa barangan termasuk dua pistol dan dua parang.”

Beliau berkata, semakan mendapati kedua-dua suspek adalah warga tempatan berusia 36 dan 43 tahun berasal dari Pandamaran

dan Teluk Panglima Garang.

Fadzil berkata, Semakan rekod juga mendapati kedua-dua suspek mempunyai rekod jenayah dan dadah termasuk seorang dikehendaki bagi membantu siasatan kes pecah rumah di Klang.